



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 1 TAHUN 2011**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

29/03/11  
Pengerah  
Bhg Pengurusan  
Sedarah

**PENYERTAAN ANAK-ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN, KOPERASI-KOPERASI, TABUNG KAKITANGAN KERAJAAN DAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN BADAN INDUK BERKENAAN**

3/3/11

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (Agensi) mengenai penyertaan anak-anak syarikat badan berkanun, koperasi-koperasi, tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dalam perolehan badan induk berkenaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Jemaah Menteri pada 19 Mac 1980 telah memutuskan supaya anak-anak syarikat badan berkanun, koperasi-koperasi, tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dilarang daripada menyertai perolehan badan induk berkenaan. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan SPP Bil. 26 Tahun 1986 melarang penyertaan anak-anak syarikat badan berkanun, koperasi-koperasi, tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dalam perolehan badan induk.

3. Kerajaan telah mengkaji peraturan yang dikeluarkan melalui SPP tersebut dan bersetuju untuk membenarkan penyertaan anak syarikat badan berkanun termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPTA), koperasi-koperasi, tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dalam perolehan badan induk

KPT VI - Pj > 1/3  
Tindakan Edaran  
Shi

berkenaan. Ia adalah selaras dengan persetujuan Kerajaan untuk memberi autonomi kepada badan berkanun termasuk IPTA dalam menguruskan perolehan yang melibatkan anak syarikat masing-masing serta berasaskan konsep *let managers manage*.

#### **KEPERLUAN MEWUJUDKAN GARISPANDUAN/PROSEDUR KAWALAN DALAMAN**

4. Semua Agensi yang terlibat dikehendaki mewujudkan garis panduan perolehan masing-masing dan prosedur kawalan dalaman dalam menguruskan perolehan penglibatan anak syarikat masing-masing. Ia hendaklah mengambil kira dasar Kerajaan serta memastikan perolehan dilaksanakan secara telus, adil dan saksama berasaskan prinsip-prinsip perolehan. Garis panduan/prosedur kawalan dalaman berkaitan hendaklah juga memberi penekanan kepada mekanisme *check and balance* dan mendapat persetujuan Lembaga Pengarah/Lembaga Penasihat Agensi masing-masing.

5. Oleh yang demikian, dengan kebenaran ini adalah menjadi tanggung jawab Lembaga Pengarah/Lembaga Penasihat dan Ketua Agensi masing-masing untuk memastikan pengurusan perolehan berkaitan penglibatan anak syarikat dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti.

#### **KUAT KUASA**

6. SPP ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini ditandatangani.


#### **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 26 Tahun 1986 bertarikh 19 Disember 1986 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah)**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

14 Mac 2011